# Pendaftaran Permohonan Lesen Baharu PPG
# https://ideal.kpkt.gov.my

KPKT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
**BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN BAHARU PEMEGANG PAJAK GADAI DI BAWAH AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972 [AKTA 81]**

| Bil. | Butiran | Semakan |
|---|---|---|
| 1. | **Borang Permohonan**<br>Permohonan Lesen Baharu Pemegang Pajak Gadai (PPG) perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem iDEAL di alamat **https://ideal.kpkt.gov.my** | |
| 2. | **Dokumen Permohonan Lesen Baharu Pemegang Pajak Gadai**<br>Sila lampirkan dokumen seperti berikut semasa mengemukakan permohonan:<br>2.1 Borang permohonan [Jadual A, Akta Pemegang Pajak Gadai] yang telah lengkap diisi.<br>2.2 Dokumen e-Info SSM *(Corporate Information)* terkini yang menunjukkan pembuktian status syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) atau Berhad dengan modal berbayar syarikat seperti berikut:<br>i. Modal Berbayar sebanyak RM 4 juta; atau<br>ii. Modal Berbayar sekurang-kurangnya RM 100 ribu berserta salinan penyata bank yang menunjukkan baki akhir akaun sebanyak minima RM 4 juta.<br>2.3 Jadual D, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akuan Berkanun) bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.<br>2.4 Salinan Kad Pengenalan/Pasport bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.<br>2.5 Salinan keputusan carian kebankrapan (Insolvensi) bagi setiap Pengarah/ Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.<br>2.6 *Criminal Clearance & Bankruptcy Report* yang terkini dari negara asal pemohon. (Jika pengarah/pengurus bukan warganegara Malaysia). | |
| 3. | **Ujian Rakaman Cap Jari**<br>Setiap pemohon (warganegara dan bukan warganegara) perlu menjalani rakaman cap jari PDRM di Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Hanya pemohon yang **LULUS** tapisan cap jari sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan permohonan lesen baharu oleh Pendaftar Pemegang Pajak Gadai.<br>KPKT akan mengeluarkan surat arahan menjalani proses rakaman cap jari kepada pemohon setelah permohonan lengkap diterima. | |

| Bil. | Butiran | Semakan |
|---|---|---|
| 4. | Nota:<br>Sila ambil maklum bahawa permohonan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sekiranya:<br>4.1 Pemohon mengemukakan permohonan bagi membuka cawangan;<br>4.2 Pemohon mempunyai lesen Pemberi Pinjam Wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]; dan<br>4.3 Pemohon mengemukakan permohonan untuk beroperasi di negeri Kelantan serta di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Besut, Terengganu. | |